

Tuan Yang Di Pertua.

12. Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri itu, telah menyatakan bahawa keadilan tidak akan tercapai di negara ini sekiranya sistem perwakilan di Parlimen sekarang ini tidak dirobah kepada sistem perwakilan nisbah (proportional representation) atau perwakilan parti politik sebenar, sebagaimana yang dikatakannya. Bagi menyokong pendapatnya, sebagaimana yang telah saya nyatakan dahulu, ia telah menghuraikan beberapa nama ahli-ahli falsafah politik yang bermula dengan Plato dan Aristotile di zaman